

## BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN

Bab ini menghuraikan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam mengkaji dasar, amalan dan ekonomi penerbitan dalam konteks pembangunan buku teks sekolah di Malaysia. Kaedah yang digunakan harus bersesuaian dengan objektif dan subjek kajian,<sup>1</sup> serta jenis data.<sup>2</sup> Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah persejajaran komunikasi. Di samping kaedah ini, inventori buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi tahun 2002 dihasilkan. Penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data dalam sesuatu kajian sememangnya menjadi amalan biasa kebanyakan penyelidik.<sup>3</sup>

Data dari pelbagai sumber yang dikutip dan dianalisis, kemudiannya ditriangulasi oleh penyelidik. Triangulasi mengatasi apa yang dikatakan Denzin<sup>4</sup> bahawa “each method reveals different aspects of empirical reality.” Fortner dan Christians pula berkata: “The goal is to build up a fully rounded analysis of some phenomenon by combining all lines of attack, each probe only revealing certain dimensions of the symbolic reality.”<sup>5</sup> Hutchinson<sup>6</sup> turut bersetuju bahawa penggunaan pelbagai sumber dalam pengutipan data dapat melenyapkan sebarang *bias* penyelidik menerusi peningkatan dan pengayaan maklumat. Dengan kata lain, maklumat

---

<sup>1</sup> Kerlinger, 1973

<sup>2</sup> Nord dan Nelson, 1981

<sup>3</sup> Sebagai contoh lihat kajian Ho Seng Ong, 1952; Arian, 1971; Hirsch, 1972; Hirsch, 1975; Peterson dan Berger, 1975; Coser, Kadushin dan Powell, 1982; serta Kadushin, 1982.

<sup>4</sup> Denzin, 1978: 28

<sup>5</sup> Fortner dan Christians, 1981: 368

<sup>6</sup> Hutchinson, 1988

daripada pelbagai kaedah membolehkan penyelidik membuat perbandingan data yang telah terkumpul.

Walaupun sumber maklumat yang dikutip pelbagai tetapi fokus kajian tidak berubah. Dalam konteks kajian ini fokusnya ialah pembangunan buku teks sekolah di negara ini dari segi dasar, amalan dan ekonomi penerbitan. Apabila kesimpulan yang sama ditemui<sup>7</sup> walaupun pelbagai sumber maklumat dikumpul dan dianalisis terhadap sesuatu fenomena maka wujud apa yang disebut oleh Piore<sup>8</sup> sebagai kepaduan dan ketekalan dalaman tentang fenomena yang diselidiki. Kepaduan dan ketekalan adalah konsep yang sehati dalam paradigma penyelidikan kualitatif interpretatif.

Perspektif kualitatif interpretatif tidak melihat ilmu sebagai sesuatu yang statik. Ilmu tentang idea, orang dan kejadian tidak mungkin dapat difahami jika dipisahkan daripada konteksnya.<sup>9</sup> Guba dan Lincoln<sup>10</sup> berkata, ilmu sebagai “a series of structural/historical insights that will transformed as time passes. Transformations occur when ignorance and misapprehensions give way to more informed insights by means of dialectical interaction.” Perspektif ilmu sebegini berbeza daripada epistemologi perspektif positivisme. Positivisme berpendapat bahawa “knowledge accumulates by a process of accretion, with each fact ... serving as a kind of building block that, when placed into its proper niche, adds to the growing ‘edifice of knowledge’.”<sup>11</sup> Apabila sifat ilmu dikatakan berkumpul, ilmu sebenarnya bersifat statik. Kalau ilmu berubah-ubah, pengumpulan ilmu tidak berlaku.

---

<sup>7</sup> Jick, 1979

<sup>8</sup> Piore, 1979

<sup>9</sup> Edson, 1988

<sup>10</sup> Guba dan Lincoln, 1994: 113

<sup>11</sup> Guba dan Lincoln, 1994: 113-114

Sifat ilmu yang berkembang dan berubah berdasarkan perspektif kualitatif telah dirumuskan Guba dan Lincoln dalam makalah *Competing paradigms in qualitative research*. Mereka berkata: "knowledge does not accumulate in a absolute sense, rather, it grows and changes through a dialectical process of historical revision that continuously erodes ignorance and misapprehensions and enlarges more informed insights."<sup>12</sup> Perspektif sebegini mempunyai tempat dalam sains memandangkan "science was not written in stone or handed down as a sacred text: it has been an evolving human creation."<sup>13</sup>

Sifat ilmu yang sebegini berkait rapat dengan tujuan sesuatu kajian dilakukan. Perspektif kualitatif interpretatif berpendapat bahawa tujuan kajian ialah "understanding and reconstruction of the constructions that people (including the inquirer) initially hold, aiming toward consensus but still open to new interpretations as information and sophistication improve." (penegasan dalam teks asal)<sup>14</sup> Terdapat dua perkara penting yang dibangkitkan. Pertama, sudut pandangan subjek kajian dan kedua, sudut pandangan atau andaian pengkaji sendiri. Sudut pandangan subjek bererti kajian adalah berdasarkan kepada "understandings and interpretations of how people create and maintain their social worlds."<sup>15</sup>

Setiap pengkaji mempunyai sudut pandangan atau andaian masing-masing. Penyelidikan kualitatif interpretatif menyedarkan pengkaji tentang kewujudan andaian peribadi. Sehubungan dengan ini, Edson berkata: "Everyone operates from assumptions.... The danger, however, lies not in having assumptions but rather in not

---

<sup>12</sup> Guba dan Lincoln, 1994: 114

<sup>13</sup> Neuman, 1997: 61

<sup>14</sup> Guba dan Lincoln, 1994: 113

<sup>15</sup> Neuman, 1997: 74

being aware of them.... (Q)ualitative approach ... causes us to acknowledge our assumptions so that we can suspend beliefs in these familiar convictions and examine evidence in new and productive manner.”<sup>16</sup> Perkara ini dirumuskan sebagai polemik objektif-tafsiran oleh Stevens dan Garcia.<sup>17</sup> Walaupun andaian pengkaji diakui dan tidak dinafikan tetapi ini tidak bermakna dia harus terjerumus dan terperangkap dalam keadaan yang menyuratkan dan menyiratkannya sebagai memihak sesuatu pihak sahaja.<sup>18</sup> Semua pihak berkepentingan dalam kajian hendaklah dikemukakan. Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa tujuan kajian perspektif kualitatif interpretatif berbeza daripada perspektif positivisme. Positivisme mahu meramal dan mengawal fenomena walhal perkara ini tidak dipentingkan dalam perspektif kualitatif interpretatif.

## PERSEJARAHAN KOMUNIKASI

Terdapat dua pendekatan dalam keadah persejarahan: perspektif kemanusiaan dan sains sosial. Perbezaan kedua-dua perspektif ini telah diungkapkan oleh Robert Park dan Ernest Burgess, sebagai berkata: “History ... seeks to reproduce and interpret concrete events as they actually occurred in time and space.... Sociology seeks to arrive at natural laws and generalizations in regard to human nature and society, irrespective of time and place .... History seeks to find out what actually happened and how it all came about.... Sociology seeks to explain, on the basis of a study of other instances, the nature of the process involved”<sup>19</sup>

---

<sup>16</sup> Edson, 1988: 45

<sup>17</sup> Stevens dan Garcia, 1980

<sup>18</sup> untuk perbincangan lanjut lihat Bochner, 1985 dan Guba dan Lincoln, 1994

<sup>19</sup> Park dan Burgess, 1969: 11

Dengan kata lain, terdapat dua jenis sejarawan iaitu: sejarawan humanistik dan sejarawan sains sosial.<sup>20</sup> Nord dan Nelson menjelaskan sejarawan humanistik “is interested primarily in unique events and sequences, seeks to understand an event by understanding its context in a particular place and time, must generalize and make comparisons, but is reluctant to generalize too broadly lest sight is lost of the rich variety of human history.... The social science historian ... is interested primarily in general processes, seeks to understand an event by grouping it with similar events, and ultimately hopes to construct generalizations and theories to explain classes of events without regard to space and time.”<sup>21</sup> Dengan kata lain, sejarawan humanistik berminat dengan *idiographic*, membina sejarah masa lalu, sementara sejarawan sains sosial cenderung kepada *nomothetic*, menguji sesuatu teori bagi membuat generalisasi umum. Nord dan Nelson seterusnya menegaskan sejarawan yang meminjam idea dan teknik daripada sains sosial untuk menjawab soalan-soalan tradisi sejarah tidak boleh dianggap sebagai saintis sains sosial. Yang boleh dianggap sejarawan sains sosial ialah mereka yang menggunakan data sejarah untuk menguji dan mengembangkan teori sains sosial.

Namun begitu, pemisahan sebegini tidak disokong oleh Marshall.<sup>22</sup> Marshall berkata, perkara ini lebih berupa suatu penegasan dan bukannya berdasarkan prinsip kaedah persejarahan. Hujah serupa diberikan oleh Giddens yang berkata: “*There simply are no logical or even methodological distinction between the social sciences and history — appropriately conceived*” (penegasan dalam teks asal).<sup>23</sup> Semua

---

<sup>20</sup> Nord dan Nelson, 1981

<sup>21</sup> Nord dan Nelson, 1981: 281-282

<sup>22</sup> Marshall, 1994

<sup>23</sup> Giddens, 1979: 230

sejarawan, kata Marshall, mementingkan analisis tingkah laku yang bermakna di kalangan individu dan kumpulan dengan menekankan aspek proses, konteks dan perubahan.

Permasalahan, definisi konsep dan asas teoritikal dalam kajian dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang mencorakkan pembangunan buku teks sekolah di Malaysia ini menunjukkan bahawa persejarahan sains sosial, (persejarahan komunikasi, istilah yang digunakan oleh Stevens dan Garcia<sup>24</sup> dan label ini digunakan dalam kajian untuk disertasi ini) sesuai digunakan untuk menjawab permasalahan kajian. Ini disebabkan kaedah persejarahan komunikasi membolehkan penyelidik “to produce a rational reconstruction of the particular object of investigation from the inside out... History investigates things that have happened and seeks to comprehend them in their fullness of meaning.”<sup>25</sup> Dengan kata lain, data yang dianalisis mampu menghuraikan teori pengeluaran produk budaya. Kaedah persejarahan yang bersifat holistik berguna untuk membuka “gaps in previous work, call attention to broadly applicable questions.”<sup>26</sup> Pengujian dan pembinaan teori yang disebut oleh Stevens dan Garcia selaras dengan apa yang telah dikatakan oleh Nord dan Nelson.

Teori merupakan komponen penting apabila menggunakan persejarahan komunikasi. Neuman menegaskan bahawa “theory helps a critical researcher find new facts and to separate the important from the trivial... (T)heory is a type of map telling researchers where to look for facts and how to interpret them once they are uncovered.”<sup>27</sup> Teori membolehkan tafsiran hubungan antara yang khusus dengan

---

<sup>24</sup> Stevens dan Garcia, 1980

<sup>25</sup> Startt dan Sloan, 1989: 12-13

<sup>26</sup> Stevens dan Garcia, 1980: 31.

<sup>27</sup> Neuman, 1997: 78

keseluruhannya ataupun hubungan subjek dengan objek analisis.<sup>28</sup> Walaupun Stevens dan Garcia<sup>29</sup> tidak menggunakan istilah teori dalam perbincangan buku *Communication History* tetapi penggunaanya tersirat apabila mereka membincangkan penggunaan model dalam kajian bersifat persejarahan.

Apabila hendak melakukan kajian berdasarkan kaedah persejarahan komunikasi, Stevens dan Garcia menggariskan empat tahap dalam pengendaliannya: jenis, perspektif penyelidik, unit analisis dan pentafsiran.<sup>30</sup> Semasa melakukan sesuatu kajian, keempat-empat tahap ini tidak berlaku secara mendatar, tetapi mirip proses interaksi kompleks dan refleksif. Altheide<sup>31</sup> menegaskan bahawa sifat berulang dan refleksif memastikan kajian bersifat sistematik dan analitikal serta tidak kaku.

Keempat-empat tahap dalam pengendalian ini terangkum dalam apa yang disebut sebagai reka bentuk penyelidikan. Reka bentuk penyelidikan seperti yang ditakrifkan oleh Wimmer dan Dominick sebagai “a blueprint or set of plans for collecting information.”<sup>32</sup> Informasi adalah bukti empirikal yang dikumpul oleh penyelidik secara sistematik untuk dianalisis bagi memahami dan menerangkan realiti sosial.<sup>33</sup> Bukti empirikal dalam penyelidikan kualitatif mempunyai sifat berbeza daripada perspektif penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif tidak semestinya dalam bentuk nombor seperti dalam kaedah kuantitatif. Data kualitatif adalah dalam bentuk perkataan, ayat, perenggan dan seumpamanya; sifat data sebegini mempunyai cara analisis yang berbeza daripada data kuantitatif.

---

<sup>28</sup> Kincheloe dan McLaren, 1994

<sup>29</sup> Stevens dan Garcia, 1980: 57-61

<sup>30</sup> Stevens dan Garcia, 1980: 38

<sup>31</sup> Altheide, 1996

<sup>32</sup> Wimmer dan Dominick, 1987: 30

<sup>33</sup> Neuman, 1997

Sifat data dalam penyelidikan kualitatif seperti yang disebutkan menyebabkan pendokong kuantitatif mendakwa data kualitatif bukan empirikal. Neuman menolak pandangan sebegini dan berhujah bahawa data kualitatif tetap bersifat empirikal. Neuman berkata: "They involve documenting real events, recording what people say, ... observing specific behaviors, studying written documents, or examining visual images. These are all concrete aspects of the world."<sup>34</sup>

### Jenis

Aspek jenis memerlukan pengkaji supaya menentukan reka bentuk penyelidikan yang hendak digunakan. Stevens dan Garcia menjelaskan terdapat tiga jenis reka bentuk penyelidikan: deskriptif, penjelasan (explanatory) dan penerokaan (exploratory).<sup>35</sup> Cara deskriptif memerihalkan dan menyenaraikan ciri-ciri penting (salient) dalam jangka masa tertentu. Cara penjelasan menumpukan perhatian kepada sebab-sebab di sebalik ciri-ciri penting (salient). Cara penerokaan mendedahkan lompong-lompong topik yang wujud dalam sesuatu disiplin.

Objektif kajian dasar, amalan dan ekonomi penerbitan ini ialah untuk mengetahui dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang mencorakkan pembangunan buku teks di negara ini, maka reka bentuk penyelidikan deskriptif digunakan sebagai strategi dalam pengumpulan dan penganalisan data. Menerusi reka bentuk deskriptif, Stevens dan Garcia menjelaskan bahawa sifat, pengembangan dan evolusi

---

<sup>34</sup> Neuman, 1997: 328

<sup>35</sup> Stevens dan Garcia, 1980: 38



sesuatu fenomena sosial dapat dikaji.<sup>36</sup> Namun realiti fenomena sosial yang dikaji tidak sepenuhnya dapat ditanggapi oleh penyelidik.<sup>37</sup>

### Perspektif

Dalam mengkaji dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang mencorakkan pembangunan buku teks sekolah di negara ini, kaedah penyelidikan persejarahan komunikasi yang digunakan menerapkan perspektif budaya. Walaupun perspektif budaya berakar umbi dan berkembang dari pengajian antropologi dan sosiologi tetapi pendekatan ini cukup relevan dalam pengajian penerbitan dan komunikasi, secara khususnya. Apabila menggunakan perspektif budaya, Pettigrew mengingatkan bahawa konsep ini tidak harus dilihat secara sempit. Budaya harus ditinjau sebagai sumber bagi satu famili konsep.<sup>38</sup> Sebabnya, “man creates culture and culture creates man.”<sup>39</sup> Penjelasan sedemikian selaras dengan apa yang dikatakan Geertz bahawa “man is an animal suspended in webs of significance he himself has spun.”<sup>40</sup> Sarang yang dirujuk oleh Geertz ialah budaya. Dalam hal ini, analisis budaya mengambil pendekatan interpretatif dalam pencarian makna.

Dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang menjadi permasalahan kajian ini menggunakan persejarahan komunikasi dengan perspektif budaya untuk mengkaji pembangunan buku teks sekolah di negara ini. Pembangunan buku teks dikaji dalam konteks teori pengeluaran produk budaya. Permasalahan kajian ini ditafsir

---

<sup>36</sup> Stevens dan Garcia, 1980

<sup>37</sup> Guba dan Lincoln, 1994

<sup>38</sup> Pettigrew, 1979

<sup>39</sup> Pettigrew, 1979: 577

<sup>40</sup> Geertz, 1973: 5-6

berdasarkan “pembacaan” budaya-ekonomi. Perspektif budaya-ekonomi menekankan konsep makna dan nilai bagi proses dalam pengeluaran sesuatu bahan budaya. Perbezaan perspektif budaya-ekonomi dengan perspektif politik-ekonomi telahpun dihuraikan oleh Du Gay dalam bukunya *Production of Culture/Cultures of Production*. Du Gay berkata: “‘political economy’ has tended to emphasize features such as the distribution of income, patterns of corporate ownership and control, the dynamic nature of market economies, capital accumulation and the generation and uses of economic surplus, it has had rather less to say about the meanings these processes come to have for those involved in them.”<sup>41</sup>

Dengan kata lain, perspektif budaya-ekonomi menekankan makna dan nilai bagi semua dimensi aktiviti kemanusiaan berkaitan dengan ekonomi. Makna dan nilai yang dipegang orang memerlukan persejaraan dengan perspektif budaya digunakan. Bukankah Carey telah berkata bahawa: “cultural history is not concerned merely with events but with the thought within them. Cultural history is, in this sense, the study of consciousness in the past.”<sup>42</sup> Semuanya menjurus makna proses pengeluaran buku teks daripada sudut pandangan orang yang melakukannya dan sudut pandangan ini dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan ekonomi.

### **Unit Analisis**

Unit yang dianalisis dalam sesuatu kajian persejaraan komunikasi seperti kata Stevens dan Garcia<sup>43</sup> ialah unsur yang menjadi fokus kajian. Unit analisis dalam kajian ini ialah dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang mencorakkan

---

<sup>41</sup> Du Gay, 1997: 3

<sup>42</sup> Carey, 1985: 52

pembangunan buku teks sekolah di negara ini. Faktor-faktor ini dikaji dalam konteks hubungan *inter* organisasi swasta dan kerajaan yang mencorakkan persekitaran penerbitan dan pembangunan buku teks sekolah. Hubungan *inter* organisasi dikaji dalam konteks persekitaran dan bukannya secara berasingan seperti yang biasa dikaji apabila menggunakan perspektif positivisme. Konteks penting dalam perspektif kualitatif interpretatif sebab organisasi beroperasi dalam persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunannya. Perubahan dalam satu organisasi berkaitan akan memberi kesan kepada organisasi lain. Persekitaran yang mengongkong sudah tentu menjejaskan keberkesanan operasi sesebuah organisasi.<sup>44</sup> Hubungan *inter* organisasi jarang dikaji sebab kebanyakan pengkaji menumpukan aspek *intra* organisasi.<sup>45</sup>

Hubungan *inter* organisasi menyerlahkan hubungan pelbagai organisasi di peringkat institusi, iaitu insituti-institusi yang terlibat dalam pembangunan buku teks sekolah. Seperti kata Kanter, kajian yang melihat hubungan di peringkat institusi jarang dilakukan kecuali apabila hubungan menghalang inovasi.<sup>46</sup> Kenyataan ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Dimmick dan Coit<sup>47</sup> bahawa analisis di peringkat institusi membolehkan pengkaji mengetahui sistem dalam industri yang mempengaruhi corak buat putusan di kalangan organisasi.

---

<sup>43</sup> Stevens dan Garcia, 1980

<sup>44</sup> lihat kajian Pugh, Hickson, Hinings dan Turner, 1968 dan 1969; Child, 1973; Randall, 1973; Jacobs, 1974; Osborn dan Hunt, 1974; Hirsch, 1975b

<sup>45</sup> Pfeffer dan Salancik, 1978

<sup>46</sup> Kanter, 1988

<sup>47</sup> Dimmick dan Coit, 1982

## Sumber Maklumat

Terdapat dua jenis sumber maklumat dalam membuat kajian persejarahan: sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer, khususnya, digunakan oleh pengkaji untuk membuat tafsiran.<sup>48</sup> Dalam mencari dokumen yang bersesuaian dengan subjek kajian, Tuchman mengesyorkan pengkaji menjawab dua soalan: “How does one find information and how does one assess it.”<sup>49</sup> Pertimbangan kepada soalan ini memandangkan semua sumber bertulis adalah refleksi kepada kaedah pengeluarannya.<sup>50</sup> Dalam hal ini, Smith<sup>51</sup> menjelaskan bahawa penilaian sumber maklumat penting dari sudut ketulenan dan kewibawaan sesuatu bahan. Perkara yang dibangkitkan oleh Tuchman dan Smith membayangkan terdapat pelbagai jenis dokumen tetapi tidak semuanya penting dan boleh digunakan untuk sesuatu kajian. Pengkaji harus menyaring dan memilih dokumen sesuai selaras dengan subjek kajian. Penyaringan bahan adalah berpandukan kepada permasalahan dan teori yang digunakan dalam sesuatu kajian.

Penyaringan berpandukan aspek teoritikal merupakan aspek yang tersirat dalam kaedah persejarahan. Berkhofer berkata perkara ini tidak dapat dielakkan sebab: “All of past reality can never be known to them because not all evidence remains. Furthermore, historians do not choose to deal even with all the facts derivable from the available evidence. They confine their interest to man’s past, but not even all of that concerns them, for they further select from these data those parts

---

<sup>48</sup> Tyack, 1976

<sup>49</sup> Tuchman, 1994: 317

<sup>50</sup> Altheide, 1996

<sup>51</sup> Smith, 1981

that can be organized according to some interpretation or theory.”<sup>52</sup> Hujah serupa diberikan oleh Becker.<sup>53</sup>

Dalam hal ini, Marshall dan Rossman<sup>54</sup> telah menghuraikan apa yang dimaksudkan sebagai sumber primer dan sekunder. Sumber primer termasuk laporan lisan saksi, dokumen, rekod dan *relics*. Sumber sekunder pula termasuk laporan yang dicatat daripada orang yang menyaksikan kejadian, ringkasan termasuk buku sejarah dan ensiklopedia. Sumber sekunder seperti kata Tuchman berguna untuk membolehkan seseorang pengkaji serasi dengan sesuatu period yang diliputi oleh kajiannya. Apa yang dibaca bergantung kepada persoalan kajian. Tuchman turut mencadangkan pengkaji supaya mengemukakan dan mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut: “Why is this author making this argument? Do other scholars dispute this argument? Why these particular materials, but not other? Do the author’s questions suggest other issues relevant to the project at hand?”<sup>55</sup> Soalan-soalan yang bertujuan untuk membolehkan pengkaji mengetahui andaian-andaian asas penulis asal sesuatu sumber bertulis. Ini adalah aspek refleksif yang dikatakan oleh Altheide.<sup>56</sup>

Sumber primer pula merujuk kepada data atau maklumat yang bersifat kontemporari apabila tempoh kajian bersifat adalah yang semasa. Tuchman mengingatkan bahawa data daripada sumber sekunder atau primer tidak harus dilihat secara yang tersurat tetapi juga yang tersirat. Untuk menjelaskan maksud tersurat dan tersirat ini, Tuchman memberi contoh satu dokumen sejarah. Dalam membuat pentafsiran kata Tuchman: “one needs to understand it—not just what is says

---

<sup>52</sup> Berkhofer, 1969: 23

<sup>53</sup> Becker, 1976

<sup>54</sup> Marshall dan Rossman, 1989

<sup>55</sup> Tuchman, 1994: 319

explicitly, but what it means. To understand meaning, one must understand the literary form (thus, the process of reconstructing meaning)” (penegasan dalam teks asal).<sup>57</sup>

Semua ini melibatkan persoalan pentafsiran. Pentafsiran bahan bisu seperti teks bertulis dan artifaks lain tanpa kehadiran orang yang menciptanya menyentuh persoalan makna. Hodder<sup>58</sup> mengingatkan kata-kata Derrida bahawa makna tidak wujud dalam teks tetapi dalam penulisan dan pembacaannya. Hodder seterusnya berkata: “As the text is reread in different contexts it is given new meanings, often contradictory and always socially embedded. Thus there is no “original” or “true” meaning of a text outside specific historical contexts.”<sup>59</sup> Dengan kata lain, teks harus “dibaca” dalam konteks sejarah pada masa ia ditulis.<sup>60</sup> Keadaan ini memerlukan teks dikaitkan dengan bahan bukti berbentuk lain bagi meningkatkan pemahaman menerusi perbandingan dapatan pelbagai bahan.

Seperti yang dikatakan Ricoeur<sup>61</sup> bahawa teks bertulis berbeza daripada struktur bahasa abstrak. Teks ditulis untuk melakukan sesuatu dan boleh difahami berdasarkan sifatnya. Teks bertulis dihasilkan atau dikeluarkan dengan menggunakan ciri-ciri kebendaan semasa yang wujud. Ciri-ciri ini pula terikat dalam sistem sosial dan ideologi yang mengawal siapa yang tahu menulis, yang boleh menulis dengan cara-cara tertentu ataupun mampu mencapai teknologi pengeluaran yang berkaitan bagi menghasilkannya.

---

<sup>56</sup> Altheide, 1996

<sup>57</sup> Tuchman, 1994: 321

<sup>58</sup> Hodder, 1994

<sup>59</sup> Hodder, 1994: 394

<sup>60</sup> Fischer, 1970: 135-140

<sup>61</sup> Ricoeur, 1971

## Penafsiran Bahan

Apabila menggunakan kaedah persejarahan komunikasi, Steven dan Garcia mengingatkan empat masalah pentafsiran yang sering dihadapi oleh penyelidik: memerhatikan fenomena berkembang secara mendatar; memerhatikan fenomena berkembang secara evolusi; memerhatikan kejadian sebagai terikat kepada masa; dan gagal membezakan prinsip daripada amalan.<sup>62</sup>

Apabila memerhatikan masa silam berkembang secara mendatar, pola penyelidikan menjadi sempit. Masalah pertama ini mengakibatkan penyelidik cenderung melihat fenomena sebagai susunan kejadian yang berlaku dalam garis lurus. Kecenderungan ini menyebabkan penyelidik mencari perbezaan yang wujud dan bukannya angkubah. Perbezaan hanya menyerlahkan ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu kejadian dan tidak membantu penyelidik dari segi menganalisis prinsip. Fokus adalah kepada keterasingan bukannya sebagai kesinambungan, kompleksiti, terputus, ataupun perubahan. Akibatnya, kejadian dilihat sebagai suatu yang statik dan bukannya mempunyai unsur-unsur dinamika. Memerhatikan sesuatu kejadian sebagai statik, sebenarnya menolak kejadian sebahagian daripada proses. Statik mengakibatkan penyelidik terlupa memerhatikan persoalan tentang kadar, arah dan tahap variasi, dimensi, ciri yang timbul atau berlaku dalam sesuatu keadaan. Penstrukturan sebegini mengakibatkan tafsiran tentang sesuatu fenomena tidak mengambil kira interaksi dan hubungan.

---

<sup>62</sup> Stevens dan Garcia, 1980: 40

Kesan sama juga wujud apabila sejarah ditafsir sebagai berkembang secara evolusi. Masalah kedua ini menyebabkan penyelidik meletakkan pemberat lebih kepada setiap kejadian susulan. Akibatnya kejadian susulan dianggap sebagai perbaikan daripada kejadian sebelumnya. Kecenderungan ini mengakibatkan penyelidik mencari data atau aliran yang mampu mengesahkan fenomena ini dalam sesuatu tempoh waktu. Seperkara yang tidak harus dilupakan ialah prinsip bahawa kemajuan dalam sesuatu bidang selalunya mengakibatkan kemusnahan, keruntuhan atau transformasi bidang lain.

Kesan daripada pengabaian prinsip ini ialah penyelidik gagal mengenal pasti kesan-kesan *antithetical* yang menandakan kematian satu sejarah dan bermulanya satu sejarah lain. Penyelidik yang gagal memerhati perkara ini tidak dapat mengikut perkembangan sejarah baru ini. Akibatnya penyelidik tidak melihat konteks yang melahirkan sesuatu tahap.

Masalah ketiga ialah memerhatikan kejadian terikat kepada sesuatu masa. Masalah ini disebut sebagai penempohan. Penyelidik yang terikat kepada penempohan akan mengabaikan prinsip ruang dan masa. Penempohan mengakibatkan ciri dan kejadian dikelompokkan dalam sempadan palsu iaitu masa. Masa menjadi faktor penyebab sedangkan masa tidak pernah menimbulkan kejadian. Kejadian timbul sebab idea, keadaan dan tren yang mempunyai sifat-sifat dinamik, saling berinteraksi, mengalir dari satu tempat ke tempat lain. Sumber dan laluan kepada idea, keadaan dan tren yang sepatutnya membentuk sempadan sesuatu kejadian, bukannya masa. Namun begitu ini tidak bererti masa tidak penting. Masa harus ditentukan dan dianggap sebagai sebahagian daripada konteks bukannya angkuh penyebab.



Tempoh masa ini berpunca dari satu set idea, tujuan yang dipersepsikan dan keperluan yang mewujudkannya.

Masalah keempat ialah berhubung soal prinsip. Masalah ini timbul apabila penyelidik membuat andaian bahawa prinsip satu kejadian difahami, dikongsi dan dibentuk menjadi satu maksud sejagat. Persejarahan begini bererti prinsipnya jelas, difahami dan dikongsi oleh semua pihak. Penyelidik akan berandaian bahawa semua penyimpangan dari prinsip ini mempunyai nilai pemberat serupa dan berlaku dengan sebab-sebab serupa. Bentuk akhirnya juga serupa. Pentafsiran sebegini mengeneipkan kumpulan yang mempunyai pandangan berbeza terhadap konsep.

Keempat-empat masalah dalam pentafsiran yang dibangkitkan oleh Stevens dan Garcia dalam membuat kajian persejarahan komunikasi perspektif budaya sebenarnya mencangkumi persoalan epistemologi dan metodologi disiplin komunikasi. Dalam hal ini, Neuman menegaskan bahawa "systematic analysis of socially meaningful action ... to arrive at understandings and interpretations of how people create and maintain their social worlds."<sup>63</sup>

### **Proses Pengumpulan dan Analisis Dokumen**

Dalam mengumpul dokumen-dokumen berkaitan dengan permasalahan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan bantuan daripada informan-informan yang bertugas dengan Bahagian Buku Teks, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan serta Majlis Buku Kebangsaan Malaysia yang mempunyai sekretariat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Informan juga diperolehi dari kalangan penerbit swasta yang terlibat dalam aktiviti penerbitan buku teks yang

diperakukan bagi tahun 2002. Setiap dokumen yang dicerakinkan disahkan keaslian dan ketulenan dengan bantuan informan-informan ini. Informan ini juga memaklumkan tempat yang menyimpan dokumen yang memerihalkan budaya penerbitan buku teks sekolah di negara ini.

Beberapa informan terpilih telah ditemu bual secara berulang untuk mendapatkan pengesahan perkara-perkara berbangkit apabila pengkaji menemukan dokumen-dokumen berkait secara langsung dengan kajian ini. Identiti informan-informan ini dirahsiakan nama mereka untuk melindungi kepentingan mereka. Kerahsiaan ini wajar memandangkan etika penyelidikan mengingatkan pengkaji bahawa kepentingan sumber bernyawa hendaklah sentiasa diutamakan.

Pengkaji juga telah meninjau beberapa penerbit terpilih untuk melihat secara dekat budaya penerbitan yang diamalkan di dalam menerbitkan buku teks sekolah di negara ini. Tinjauan telah dilakukan dengan 18 syarikat penerbit terpilih untuk melihat kemudahan dan sumber manusia yang dimiliki oleh setiap syarikat yang dipertanggungjawabkan bagi menerbitkan buku teks sekolah ini.

Data yang terkumpul daripada temu bual, analisis dokumen, tinjauan ke syarikat penerbit terpilih dan inventori buku ditriangulasikan. Pengesahan silang ini perlu untuk memastikan hanya bahan yang berkaitan dengan budaya penerbitan buku teks sekolah yang diperakukan bagi tahun 2002 oleh Kementerian Pendidikan dan permasalahan kajian ini dikumpul dan dianalisis. Triangulasi ini memastikan bahan kajian yang terkumpul adalah lengkap dan sekiranya terdapat lompong dalam data terkumpul dilengkapi dengan kaedah pengumpulan bahan lain.

---

<sup>63</sup> Neuman, 1997: 68

Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah persejarahan komunikasi, kategori untuk mengelompokkan bahan-bahan berkaitan telah dibina selepas dokumen-dokumen berkaitan dianalisis. Pembinaan kategori selepas dokumen dianalisis ini sejajar dengan ontologi realiti konstruksi sosial yang digunakan untuk kajian ini.

### **KAEDAH MENGHASILKAN INVENTORI BUKU**

Kajian ini meliputi budaya penerbitan buku teks yang diartikulasikan semula sebagai dasar, amalan dan ekonomi penerbitan. Memandangkan kajian ini tentang budaya penerbitan, kajian ini tidak lengkap tanpa mendaftarnya artifak budaya yang dihasilkan oleh budaya penerbitannya. Dalam konteks kajian ini, artifak budaya yang dilihat ialah buku teks sekolah.

Untuk menghasilkan inventori buku teks, format dalam membuat entri hendaklah disediakan terlebih dahulu. Menerusi inventori buku teks yang diterbitkan, pengkaji dapat mengesan seperti kata Altheide proses penerbitan serta meletakkan makna simbolik dalam konteks sewajarnya.<sup>64</sup> Buku sebagai artifak bertulis adalah refleksif proses pengeluarannya.

Dalam menentukan inventori buku teks yang bakal digunakan, beberapa kaedah inventori yang dikemukakan oleh pengkaji lalu telah dipertimbangkan. Gray et al.<sup>65</sup> mengesyorkan maklumat-maklumat dicatatkan iaitu butiran kepengarangan, judul, dan terbitan. Butiran kepengarangan ialah nama penulis atau siri penulis; nama organisasi, jika nama penulis tidak wujud; nama editor (bagi buku yang ditulis oleh

---

<sup>64</sup> Altheide, 1996

beberapa orang lain dan diselenggarakan oleh seorang atau lebih editor); dan nama penterjemah jika buku dalam bahasa lain dari bahasa asal. Butiran judul ialah tajuk buku serta subtajuk, termasuk butiran jilid. Butiran terbitan yang dicatatkan termasuklah edisi susulan, bilangan jilid, tempat terbitan, penerbit dan tarikh penerbitan. Kaedah pembinaan inventori yang telah dimulakan oleh Md Sidin<sup>66</sup> dan Proudfoot<sup>67</sup> turut diambil kira dalam penghasilan inventori untuk kajian ini.

Proses membina inventori buku teks sekolah ini bermula dengan mendapatkan Senarai Buku Teks Yang Diperakukan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2002. Berpandukan senarai yang diperolehi, pengkaji mula mendaftarkan setiap judul dengan menggunakan borang inventori yang telah dibina. Buku-buku teks ini didaftarkan berdasarkan buku yang diperolehi di pasaran terbuka ataupun dengan penerbit berkenaan. Semasa mendaftarkan semua buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan, pengkaji mendapati terdapat 21 judul dalam senarai yang sebenarnya merupakan entri berulang. Judul buku dan penerbit buku yang diberikan entri berulang dalam Senarai Buku Teks Yang Diperakukan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2002 adalah seperti dalam Jadual 4.1. Buku yang disenaraikan berulang ini didaftarkan dalam inventori sekali sahaja.

---

<sup>65</sup> Gray, Davis, Davison, Haskett, Herber, Hill, Kayser, Kenny, Koenig, Merriman dan Thompson, 1964.

<sup>66</sup> Md Sidin Ahmad Ishak, 1998

<sup>67</sup> Md Sidin Ahmad Ishak, 1998: xiv

**Jadual 4.1:****Entri berulang judul dalam senarai buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2002**

<b>Penerbit</b>	<b>Judul</b>
Dewan Bahasa & Pustaka	Bahasa Malaysia Tahun 6 untuk SJK
Pustaka Cipta Sdn Bhd	Ekonomi Rumah Tangga Tingkatan 5 Kemahiran Hidup Bersepadu Elektif Ting 3 Kemahiran Hidup Bersepadu Teras Ting 3 Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 5 Sains Pertanian Tingkatan 5
Cerdik Publications Sdn Bhd	Ekonomi Rumah Tangga Tingkatan 4 Sains Pertanian Tingkatan 4
Marwilis Publications & Distributors Sdn Bhd	Ekonomi Rumah Tangga Tingkatan 4 Kemahiran Hidup Bersepadu Elektif Ting 2 Kemahiran Hidup Bersepadu Teras Ting 2 Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 Sains Pertanian Tingkatan 4
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd	Ekonomi Rumah Tangga Tingkatan 4 Kemahiran Hidup Bersepadu Elektif Ting 2 Kemahiran Hidup Bersepadu Teras Ting 2 Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 Sains Pertanian Tingkatan 4
Nurin Enterprise	Kemahiran Hidup Bersepadu Elektif Ting 2 Kemahiran Hidup Bersepadu Teras Ting 2 Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4

Selepas ditolak 21 judul yang berulang tersebut, dengan kata lain, terdapat 606 judul buku teks yang diterbitkan dan dijual di pasaran terbuka ataupun dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah program SPBT. Buku teks yang telah didaftarkan di dalam inventori adalah seperti dalam Lampiran E.

Dalam mendaftarkan kesemua 606 judul buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan ke dalam inventori tersebut, pengkaji telah tidak dapat mengesan dua judul buku. Pengkaji telah mencari buku berkenaan di syarikat penerbitnya. Kedua-dua penerbit buku-buku tersebut telah mengesahkan bahawa kedua-dua judul ini sudah tidak lagi diterbitkan. Penerbit-penerbit ini memaklumkan bahawa mereka juga tidak mempunyai salinan kedua-dua judul buku ini. Penyelidikan

di Pusat Dokumentasi Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan juga menunjukkan bahawa pusat ini tidak menyimpan salinan kedua-dua judul tersebut. Dengan kata lain, inventori yang dihasilkan untuk kajian ini hanya mengandungi 604 judul buku sahaja. Kedua-dua judul yang tidak dikesan ialah seperti dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2:**  
**Buku yang diperakukan tetapi tidak dapat dikesan**

<b>Penerbit</b>	<b>Judul</b>
Penerbitan Pelangi	Bahasa Cina Tahun 3 untuk SK, BLA
Gunung Mutiara	Asas Perakaunan untuk SMV Tingkatan 5